

Pertimbangan pemegang saham Proton

BH : khamis 21/6/2007

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pemegang saham Proton akan mengambil langkah dan pertimbangan sewajarnya bagi memastikan ia dapat meneruskan fungsinya sejajar digariskan dalam Dasar Automatif Negara jika syarikat itu gagal mendapat pelaburan asing.

Namun, Perdana Menteri berkata rundingan antara pemegang saham Proton, termasuk kerajaan dengan Volkswagen AG serta General Motors sudah diaktifkan semula selepas tidak mencapai kata putus pada Mac lalu.

"Perbincangan semula dimulakan di New York awal Jun 2007, diikuti rundingan susulan di Bangkok.

"Rundingan berjalan lancar dan tiada halangan nyata yang menjadi sekatan bagi kedua-dua pihak meneruskan rundingan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh), semalam.

Perdana Menteri berkata, Proton akan melaksanakan inisiatif bersepadu dalam Rancangan Pemulihan Semula Perniagaan yang meliputi jualan dan pemasaran, kecekapan dalam proses pengeluaran, perolehan, kualiti dan pengurangan kos.